


## UTUSAN MALAYSIA- ISNIN 14 OGOS 2017



ROHANI ABDUL KARIM bersama pelatih-pelatih Beladin Fashion Centre menunjukkan lakaran rekaan baju-baju di Beladin Fashion Centre di Kampung Beladin, Batang Lupar, Sarawak, kelmarin. - BERNAMA

### Agropolitan usaha hapis miskin luar bandar

**SRI AMAN 13 Ogos** – Kerajaan Persekutuan sentiasa berusaha menghaluskan kemiskinan dalam kalangan penduduk luar bandar dengan menggalakkan rakyat membabitkan diri dalam sektor perladangan, pertanian dan keusahawanan.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim berkata, pembangunan projek agropolitan yang dibangunkan oleh Felcra Berhad di kawasan luar bandar merupakan antara inisiatif dalam usaha menjana sumber pendapatan tetap bagi masyarakat desa.

Menurut beliau, konsep pembangunan yang dijalankan juga turut memfokuskan kepada pembangunan kawasan yang terbiar dan terpencil untuk perladangan kelapa sawit.

“Projek ini berupaya mengeluarkan peserta dari garis kemiskinan, mewujudkan ekonomi mapan dan terancang dan meningkatkan liputan serta kualiti prasarana aras seperti jalan raya, kemudahan air dan elektrik,” katanya berucap pada majlis penyerahan wang saguhati Projek Ladang Sejahtera Agropolitan Batang Lupar di Kampung Agropolitan Pulau Sedudu di sini hari ini.

Pada majlis itu, Rohani mengagihkan saguhati sebanyak RM130,000 kepada para peserta projek dengan setiap orang menerima RM400. Ladang Sejahtera Batang Lupar merupakan komponen projek agropolitan yang diuruskan Felcra melalui peruntukan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan disela-

raskan oleh kerajaan negeri sejak 2006.

Sementara itu, ketika berucap merasmikan Pusat Jajitan Beladin di Kampung Beladin, Batang Lupar semalam, Rohani memberitahu, golongan wanita, khususnya ibu tunggal dan yang berpendapatan rendah di negara ini merupakan kumpulan sasar utama dalam projek keusahawanan.

Menurut Rohani, bilangan ibu tunggal yang berdaftar di bawah kementerian itu sehingga Jun 2017 ialah seramai 85,204 orang.

“Saya sedar masyarakat terkadang masih mempunyai anggapan bahawa kaum wanita, lebih-lebih lagi ibu tunggal berhadapan cabaran yang sukar dan sering gagal dalam bidang keusahawanan,” katanya.